

**TEKNIK SOLEKAN KESAN KHAS (SFX) DALAM
FILEM SERAM DI MALAYSIA**

ZUZELA @ ELA BINTI MOHAMED

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI
KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **TEKNIK SOLEKAN KESAN KHAS (SFX) DALAM FILEM SERAM DI MALAYSIA**

IJAZAH: **SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)**

Saya **ZUZELA @ELA BINTI MOHAMED**, sesi **2011-2017**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


Disahkan oleh,



ZUZELA @ELA MOHAMED
PY2011-8027

NURULAIN BINTI ISMAIL
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(Prof. Madya. Dr. Zairul Anuar Md. Dawam)
Penyelia

Tarikh : 10 November 2017

PENGESAHAN

NAMA : ZUZELA @ ELA BINTI MOHAMED
NO. MATRIK : PY2008-8027
TAJUK : TEKNIK SOLEKAN KESAN KHAS (SFX) DALAM FILEM
SERAM DI MALAYSIA
IJAZAH : SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)
TARIKH VIVA : 11 OGOS 2017

DISAHKAN OLEH ;

1. **PENYELIA :**
PROF. MADYA DR. ZAIRUL ANUAR MD. DAWAM

Tandatangan



2. **PEMERIKSA DALAM :**
ENCIK M FAZMI HISHAM






UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Penyelidikan ini adalah hasil kerja saya sendiri. Segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

11 OGOS 2017



**ZUZELA@ ELA BINTI MOHAMED
PY2011-8027**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana akhirnya tesis ini dapat disempurnakan.

Pertama sekali, pengkaji berbesar hati ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama iaitu Prof. Madya Dr. Zairul Anuar Md. Dawam yang tidak putus asa memberikan tunjuk ajar, teguran dan cetusan idea yang sangat bermanfaat sepanjang penyelidikan dijalankan. Kata-kata semangat, dorongan dan nasihat yang diberikan dijadikan sebagai azimat untuk berjaya. Selain itu, penghargaan ini juga khas buat Encik Rosli Sareya, Encik Addley dan rakan-rakan yang telah banyak membantu pengkaji dalam menjayakan tesis ini.

Terima kasih juga kepada jurusolek profesional *SFX* iaitu Ella Sandera yang sudi ditemu ramah, Jlo Zali dan Abang Jay yang telah banyak membantu memberikan informasi dan data-data penting walaupun hanya berhubung melalui aplikasi *whatsapp* sahaja tanpa mengira masa walaupun sibuk dengan penggambaran.

Tidak lupa juga penghargaan kepada seluruh ahli keluarga yang telah banyak memberikan sokongan dan sentiasa memahami terutamanya ibu dan ayah. Buat suami tercinta, A Arun Asmat serta anak tersayang Misha Nina Jean yang selalu memahami dan sentiasa berada di sisi dalam apa jua situasi. Sumber inspirasi iaitu kakak tersayang, Dr. Rozita @Uji Mohammed selalu memberi nasihat dan sentiasa membantu dalam menjayakan penghasilan tesis ini.

Zuzela @Ela Binti Mohamed

11 Ogos 2017

ABSTRAK

Kajian ini menfokuskan kepada filem-filem seram dengan membuat penelitian kesesuaian teknik solekan kesan khas (*SFX*) terhadap adegan-adegan seram melalui filem-filem seram terpilih. Analisis secara terperinci adalah berdasarkan kepada dua teori iaitu teori warna Munsell yang diperkenalkan oleh Albert Henry Munsell (1858-1918) dan teori *mimesis* Plato yang diperkenalkan oleh Plato (428-348SM) mengkhusus kepada adegan seram. Kajian ini berlatarkan dua buah filem seram di Malaysia yang dipilih iaitu *Jangan Pandang Belakang* (2007) dan *Penanggal* (2013) sebagai bahan kes. Data primer diperolehi melalui pemerhatian secara berterusan terhadap filem seram terpilih dan melihat setiap karakter serta penelitian setiap jenis solekan yang digunakan dalam setiap adegan seram. Selain itu juga, maklumat mengenai teknik *SFX* diperolehi menerusi temuramah dengan jurusolek profesional solekan *SFX*. Data sekunder lain juga diperolehi dari pada jurnal, buku, internet, bahan penerbitan dari Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), majalah, akhbar dan kertas kerja daripada para penyelidik terdahulu. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dua buah filem seram terbabit telah berlandaskan kepada teori warna oleh Albert Henry Munsell (1858-1918) dan juga teori *mimesis* Plato (428-348SM) telah memberi impak yang jelas terhadap tahap menyeramkan dan menakutkan kepada audiens dan mempengaruhi keberkesanan sesebuah cerita seram. Melalui kajian ini juga diharapkan para jurusolek *SFX* dapat memahami dan seterusnya mengetahui teknik solekan *SFX* mengikut kesesuaian karakter watak sesebuah adegan seram.

Kata Kunci ;*Solekan Kesan Khas (SFX), Filem Seram, Teori Warna Munsell, Teori Mimesis Plato.*

ABSTRACT

SPECIAL EFFECT MAKEUP TECHNIQUES FOR HORROR FILMS IN MALAYSIA

This research focuses on the scary scenes with a special attention given to the suitability of the SFX techniques applied on the scary scenes of the selected Malaysian horror films. The analysis is done through a detailed discussion, which is based on two well-known theories, including Munsell colour theory introduced by Albert Henry Munsell (1858-1918) and Plato mimesis theory introduced by Plato in 428 – 348 BC, where both are focusing only on scary scene. This research takes into consideration two Malaysian horror films i.e. Jangan Pandang Belakang (2007) and Penanggal (2013) as the research cases. Data were driven from a consistent observation on the selected horror films. The focus given to each character and types of makeup used in each scary scene. On the other hand, the information about SFX techniques was gathered through interviews with the SFX makeup artists (MUA). This study also gathered secondary data from journals, printed documents from National Film Development Corporation Malaysia (FINAS), magazines, newspapers and articles of previous researchers. The findings of this research indicate that two of the selected films had applied the two theories mentioned before i.e. Munsell colour theory (1858-1918) and Plato mimesis theory in 428 – 348 BC. These two had given impacts to the scary scenes and increase the level of scariness of the audiences, which in turn influencing the effectiveness of a horror movie. Through this research, it is a hope that the SFX makeup artists could understand and know that the SFX makeup techniques are applied based on the suitability of a scary character in a horror film.

Keywords ; Special Effects Makeup Techniques, Horror Films, Munsell Colour Theory, Plato Mimesis Theory.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGESAHAN	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Skop dan Limitasi Kajian	7
1.7 Definisi Istilah	8

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Definisi Solekan Kesan Khas	12
2.3 Sejarah Solekan Kesan Khas	13
2.4 Jenis dan Teknik Solekan Kesan Khas	17
2.4.1 Solekan Kesan Khas: Kosmetik	18
a. Teknik dan Proses Warna	19
b. Teknik dan Proses <i>Contouring</i>	21
2.4.2 Solekan Kesan Khas: Lateks	25
a. Teknik dan Proses Lateks	26
b. Teknik dan Proses Warna	28
2.4.3 Solekan Kesan Khas: Prostetik	28
a. Teknik dan Proses Prostetik <i>SFX</i>	29
b. Teknik dan Proses Warna	34
c. Teknik dan Proses <i>Airbrushing</i>	37
2.4.4 Solekan Kesan Khas: <i>Eye Enhancer</i>	40
a. Teknik Dan Proses Kanta Lepak	42
2.4.5 Solekan Kesan Khas : Aksesori	44
a. Teknik dan Proses Aksesori	46
2.5 Genre Filem Seram	47
2.6 Genre Filem Seram di Malaysia	48
2.7 Solekan Kesan Khas dalam filem seram di Malaysia	54
2.8 Teori	57
2.8.1 Teori Warna Albert Munsell	58
2.8.2 Teori <i>Mimesis</i> Plato	59

BAB 3 : METODOLOGI PENYELIDIKAN	61
3.1 Pengenalan	61
3.2 Pemilihan Sampel Filem	63
3.3 Pengumpulan Data	63
3.3.1 Data primer	63
3.3.2 Data Sekunder	65
3.4 Analisa Data	65
3.4.1 Analisis Data Menggunakan Teori Warna Munsell	66
3.4.2 Analisis Data Menggunakan Teori Mimesis Plato	67
3.5 Analisis kandungan (Tekstual)	68
3.6 Paparan Data	70
3.7 Carta Alir Proses Penyelidikan	72
BAB 4 : ANALISIS SOLEKAN KESAN KHAS (SFX) DALAM FILEM SERAM TERPILIH MALAYSIA	74
4.1 Pengenalan	74
4.2 Filem Jangan Pandang Belakang (2007)	75
4.2.1 Sinopsis Filem Jangan Pandang Belakang (2007)	76
4.2.2 Penerbitdan Tenaga Produksi	77
4.3 Analisis Pecahan Adegan Filem <i>Jangan Pandang Belakang</i>	78
4.4 Keterangan Adegan Seram Yang Menggunakan Solekan <i>SFX</i>	79
4.5 Teknik Solekan Kesan Khas	83
4.5.1 Teknik Warna	84
4.5.2 Teknik <i>Contouring</i>	88
4.5.3 Teknik Lateks	93
4.5.4 Teknik Prostetik <i>SFX</i>	96
4.5.5 Teknik Aksesori	98

4.6	Filem <i>Penanggal</i> (2013)	101
4.6.1	Sinopsis Filem <i>Penanggal</i> (2013)	102
4.6.2	Penerbit dan Tenaga Produksi	103
4.7	Analisis Pecahan Adegan Filem <i>Penanggal</i> (2013)	104
4.8	Keterangan Adegan Seram Yang Menggunakan Solekan <i>SFX</i>	105
4.9	Teknik Solekan Kesan Khas (<i>SFX</i>)	113
4.9.1	Teknik Warna	113
4.9.2	Teknik <i>Contouring</i>	120
4.9.3	Teknik Lateks	126
4.9.4	Teknik Prostetik <i>SFX</i>	130
4.9.5	Teknik Kanta Lepak	136
4.9.6	Teknik Aksesori	139
BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN		145
5.1	Pengenalan	145
5.2	Jenis Solekan Kesan Khas (<i>SFX</i>)	146
5.3	Teknik Solekan Kesan Khas (<i>SFX</i>)	146
5.4	Teknik Solekan Kesan Khas (<i>SFX</i>) Terhadap Watak dan Perwatakan	147
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	150

RUJUKAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Senarai Genre/Subgenre Dan Jumlah Penghasilan Filem Cereka Melayu Pada Tahun 2007-September 2011	48
Jadual 2.2 : Senarai Filem Seram Sekitar Tahun 1950 Hingga 1970	50
Jadual 2.3 : Pencapaian Filem Seram Di Malaysia	52
Jadual 3.1 : Contoh Analisis Penggunaan Teknik Dalam Adegan Seram	71
Jadual 4.1 : Senarai Nama Pnerbit dan Tenaga Produksi Filem <i>Jangan Pandang Belakang</i> (2007)	77
Jadual 4.2 : Senarai Nama Penerbit dan Tenaga Produksi Filem <i>Penanggal</i> (2013)	103
Jadual 4.3 : Ringkasan Analisis Jenis Dan Teknik Kesan Solekan Khas (SFX) Pada Dua Buah Filem Seram	144
Jadual 5.1 : Watak dan Perwatakan Filem <i>Jangan Pandang Belakang</i> (2007)	147
Jadual 5.2 : Watak dan Perwatakan Filem <i>Penanggal</i> (2013)	149

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Max Schreck Sebagai <i>Vampire</i> Dalam Filem <i>Nosferatu</i> (1922)	14
Rajah 2.2 : Jurusolek William Tuttle Menerusi Filem <i>Seven Faces Of Dr. Lao</i> .	16
Rajah 2.3 : Watak dalam Star wars (1977) dan Star Trek: The Motion Picture (1979)	17
Rajah 2.4 : Solekan Asas Kosmetik Ke Atas Wajah	19
Rajah 2.5 : Wajah Fazura Sebelum Dan Selepas Solekan Dalam Filem <i>Langit Cinta</i> (2016)	20
Rajah 2.6 : Teknik <i>Contouring; Highlighting</i>	21
Rajah 2.7 : Gabungan Teknik <i>Contouring; Highlighting</i> dan <i>Shading</i>	23
Rajah 2.8 : Perbezaan Teknik <i>Highlighting</i> dan <i>Shading</i>	24
Rajah 2.9 : Cecair Lateks Jenama Mehron	25
Rajah 2.10 : Penggunaan Lateks Ke Atas Kulit Tangan	26
Rajah 2.11 : Cara-Cara Melakukan Proses Lateks Ke Atas Kulit Yang Terbakar	27
Rajah 2.12 : Kristen Stewart Dalam Filem <i>Zathura</i> (2005)	30

Rajah 2.13 :	Proses <i>Molding</i> Dalam Filem <i>Hingga Nyawa</i> (2003)	31
Rajah 2.14 :	Proses <i>Sculpting</i> Watak Tonto Dalam Filem <i>The Lone Ranger</i>	32
Rajah 2.15 :	Solekan Prostetik Dalam <i>Filem Hingga Hujung Nyawa</i> (2004)	33
Rajah 2.16:	Lakaran Karektor Watak Pada Lakaran Yang Sama	34
Rajah 2.17 :	Maksud Warna Oleh Marian L. Davis (1987)	35
Rajah 2.18 :	<i>Skin Illustrator Palette</i> Yang Biasa Digunakan Untuk Solekan <i>SFX</i>	36
Rajah 2.19 :	Nora Danish Dalam Filem <i>Pengantin Malam</i> (2014)	37
Rajah 2.20 :	Contoh Airbrushing Ke Atas Wajah Sebelum Dan Selepas	38
Rajah 2.21 :	Cara Teknik <i>Airbrushing</i> Ke Atas Wajah	39
Rajah 2.22 :	Senarai Watak Dan Penggunaan Kanta Lepak Yang Sesuai	41
Rajah 2.23 :	Penggunaan Kanta Lepak Dalam Filem <i>Twilight</i>	42
Rajah 2.24 :	Sebahagian Daripada Kanta Lepak Untuk Watak Zombie Dan Vampire (Aimee Surtenich, 2015)	43
Rajah 2.25 :	Pemakaian Kanta Lepak Sebelum Dan Selepas	44
Rajah 2.26 :	Pak Rejab Ikonan Afdlin Shauki Dalam Filem <i>Pontianak Vs Orang Minyak</i> (2012)	47

Rajah 2.27 :	Erra Fazira Dalam Filem Sembilu (1994)	45
Rajah 2.28 :	<i>The Emcee</i> Dalam Filem <i>Cabaret</i> (1972)	46
Rajah 2.29 :	Watak Maria Menado Dalam Filem Pontianak (1957)	54
Rajah 2.30 :	Watak <i>Si Bongkok</i> Dalam Filem <i>Sumpahan Orang Minyak</i> (1958)	55
Rajah 2.31 :	Watak Sarif Dol Dalam Filem <i>Sumpahan Orang Minyak</i> (1958)	56
Rajah 3.1 :	Kerangka Penyelidikan yang Digunakan	67
Rajah 3.2 :	Pecahan adegan seram dalam filem <i>Jangan Pandang Belakang</i> yang menggunakan solekan kesan khas	70
Rajah 3.3 :	Carta Alir Proses Penyelidikan	72
Rajah 4.1 :	Analisis pecahan adegan seram yang menggunakan solekan kesan khas	78
Rajah 4.2 :	Analisis Teknik Warna dalam Adegan 11	84
Rajah 4.3 :	Analisis Teknik Warna dalam Adegan 15, 35, 48 dan 59	85
Rajah 4.4 :	Adegan dalam filem <i>The Conjuring</i> (2013)	87
Rajah 4.5 :	Lakaran Solekan Kesan Khas (SFX) Menggunakan Teknik <i>Contouring</i>	89

Rajah 4.6 :	Analisis Teknik <i>Contouring</i> dalam Adegan 1	90
Rajah 4.7 :	Analisis Teknik <i>Contouring</i> dalam Adegan 21, 22, 23, 47, 48, 50 dan 61	91
Rajah 4.8 :	Analisis Teknik <i>Contouring</i> dalam Adegan 48 dan 50	92
Rajah 4.9 :	Analisis Lateks Warna dalam Adegan 11	94
Rajah 4.10:	Analisis Teknik Lateks Dalam Adegan 15, 21, 32, 35 dan 59	95
Rajah 4.11:	Cara Penggunaan Teknik Lateks Kepada Pelakon	95
Rajah 4.12 :	Analisis Teknik Prostetik Dalam Adegan 14	97
Rajah 4.13 :	Adegan dalam filem <i>The Conjuring</i> (2013)	98
Rajah 4.14 :	Analisis Teknik Aksesori Dalam Adegan 15, 21, 32, 35 dan 59	99
Rajah 4.15:	Adegan dalam filem <i>The Ring</i> (2002)	100
Rajah 4.16:	Pecahan Adegan Seram Yang Menggunakan Solekan Kesan Khas	104
Rajah 4.17:	Analisis Teknik Warna Adegan 31 dan 52	114
Rajah 4.18 :	Analisis Teknik Warna Adegan 7 dan 76 (Darah)	115
Rajah 4.19 :	Analisis Teknik Warna Adegan 9, 30 dan 37	116

Rajah 4.20 :	Analisis Teknik Warna Adegan 43 dan 79	117
Rajah 4.21 :	Analisis Teknik Warna Adegan 53	118
Rajah 4.22 :	Analisis Teknik Warna Adegan 62	119
Rajah 4.23 :	Analisis Teknik <i>Contouring</i> Adegan 1, 4, 8, dan 10	121
Rajah 4.24 :	Analisis Teknik <i>Contouring</i> Adegan 52	121
Rajah 4.25 :	Analisis Teknik <i>Contouring</i> Adegan 2, 14, 20, 21, 25, 43, 47, 50, 74, 76 dan 78.	122
Rajah 4.26 :	Analisis Teknik <i>Contouring</i> Adegan 43	123
Rajah 4.27 :	Analisis Teknik <i>Contouring</i> Adegan 79	125
Rajah 4.28 :	Analisis Teknik Lateks Adegan 11	126
Rajah 4.29 :	Analisis Teknik Lateks Adegan 14, 18 dan 20	127
Rajah 4.30 :	Analisis Teknik Lateks Adegan 26	128
Rajah 4.31 :	Analisis Teknik Lateks Adegan 63	129
Rajah 4.32 :	Analisis Teknik Lateks Adegan 71	129
Rajah 4.33 :	Analisis Teknik Lateks Adegan 68	130
Rajah 4.34 :	Analisis Teknik Prostetik <i>SFX</i> Adegan 2 dan 21 (Lidah Penanggal)	132

Rajah 4.35 : Analisis Teknik Prostetik <i>SFX</i> Adegan 7, 50, 52, 74, 75, 76 dan 78 (Kepala Penanggal)	135
Rajah 4.36 : Analisis Teknik Prostetik <i>SFX</i> Adegan 2, 21, 26, 27 dan 66 (Topeng Muka Penanggal)	134
Rajah 4.37 : Proses Penyediaan Topeng Muka Untuk Watak Penanggal	134
Rajah 4.38 : Analisis Teknik Prostetik <i>SFX</i> Adegan 52 dan 55 (Bayi)	135
Rajah 4.39 : Proses Penyediaan Patung Bayi	135
Rajah 4.40 : Analisis Teknik Kanta Lepak Adegan 10	137
Rajah 4.41 : Analisis Teknik Kanta Lepak Adegan 2 dan 21	138
Rajah 4.42 : Analisis Teknik Aksesori Adegan 2 (Mak Ajeng)	139
Rajah 4.43 : Analisis Teknik Aksesori Adegan 11, 21, 26, 27, 50, 52, 66, 74, 75, 76 dan 78	140
Rajah 4.44 : Analisis Teknik Aksesori Adegan 7, 21, 26, 27, 50, 52, 66, 74, 75, 76 dan 78	141
Rajah 4.45 : Penggunaan Rambut Palsu untuk watak Mak Ajeng dan Penanggal	141
Rajah 4.46 : Analisis Teknik Aksesori Adegan 10	142
Rajah 4.47 : Perbezaan Dua Watak Nicholaj Coster-Waldau dalam Filem Mama (2013)	143

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Menurut Husnun N Djuraid (2011), filem adalah media komunikasi massa yang bersifat audio visual untuk menyampaikan suatu mesej dengan lebih berkesan kepada audien. Sebagai media massa, filem digunakan sebagai media yang bukan semata-mata untuk mendapatkan hiburan tetapi lebih daripada itu adalah sumber maklumat serta ilmu.

Di dalam sesebuah filem, ilusi digunakan untuk menghasilkan imaginasi dalam sesebuah cerita. Ilusi ini dikenali sebagai kesan khas ataupun *special effect*. Singkatan untuk *Special Effect* adalah SFX atau SPFX dan manakala, FX menurut Dr.Rudi Susilana dan Capi Riyana (2007:18) digunakan pada singkatan bunyi iaitu *Sound Effect* (FX) atau *Sound FX*.

Selain itu, hasil perkembangan teknologi digital menyebabkan munculnya penggunaan kesan khas visual (*Visual Effects – VFX*) dalam perfileman. Perbezaan di antara kesan visual dan kesan khas, kesan visual dilakukan ketika proses penyuntingan dilakukan melalui teknologi komputer yang dikenali sebagai imej janaan komputer atau *Computer Generated Image* (CGI). Manakala, kesan khas pula dilakukan ketika proses penggambaran dijalankan. Menurut Aditya Chandra Buana (2015:2), *Special Effect* (SFX) dibezakan kepada dua iaitu *Optical Effect* dan *Mechanical Effect*. Perbezaan terletak pada waktu penggunaannya iaitu *Optical Effect* merujuk kepada manipulasi gambar selepas penggambaran, sedangkan *Mechanical Effect* merujuk kepada ketika penggambaran dilakukan.

SFX merujuk kepada set mekanikal yang dilakukan untuk menimbulkan kesan khas dalam kamera optikal iaitu sewaktu penggambaran sedang dijalankan. Sebagai contoh iaitu filem yang melibatkan adegan kemalangan, di mana pelakon mengalami pendarahan dan memerlukan darah sewaktu adegan dirakamkan, maka kesan khas solekan diperlukan untuk menunjukkan kesan pendarahan tersebut.

Vincent Kehoe (2003:5) menyatakan solekan kesan khas (*SFX*) atau *Special Effect Make-Up* menumpukan kepada genre watak seram dan ciptaan khas (fantasi, SCI-fi). Di Malaysia, filem bergenre seram lebih banyak menjurus kepada kesan khas ataupun *special effects* yang merujuk kepada *mechanical effect* iaitu solekan kesan khas sewaktu rakaman sedang dijalankan. Solekan kesan khas (*SFX*) diperlukan untuk mengubah rupa watak dalam filem tersebut. Selain mengubah kesempurnaan kecantikan seseorang, kesan khas solekan mampu menyerlahkan watak dan perwatakan yang dibawa pelakon. Ini dinyatakan oleh Nurulhidayah (2013):

"Untuk drama, teater mahupun filem, solekan kesan khas yang dikenakan kepada pelakon bagi menyokong karektor yang dibawa mereka sekali gus menukar wajah atau keadaan seseorang kepada sesuatu yang berbeza dengan rupa asal. Misalnya watak hantu, raksasa, kesan terbakar, tercedera serta mimik muka dibuat bersesuaian dengan skrip dan peranan dimainkan pelakon"

Jana Waru Ririnui dan Dr. Lan Nguyen (2010) menyatakan solekan adalah seni iaitu setiap muka atau wajah adalah kanvas kosong dan setiap strok berus mencipta sesuatu yang ajaib ke atas wajah. Manakala, Vincent Kehoe (1991:13) mendefinisikan solekan kesan khas sebagai solekan yang menggunakan bahan-bahan yang membawa kesan solekan lain daripada norma biasa. Pada asasnya, menurut Vincent Kehoe, solekan kesan khas lebih menjurus kepada solekan watak.

Solekan kesan Khas (SFX) juga adalah salah satu cabang solek yang menggunakan banyak bahan-bahan dan teknik khusus untuk solekan yang tidak boleh dilakukan secara kaedah konvensional (Stuart Bray, 2009). Setiap luka, kesan terbakar mahupun tato dalam solekan kesan khas adalah solekan yang menggunakan teknik dan bahan-bahan tambahan ke atas wajah (Todd Debrececi, 2003:24).

Selain itu menurut Veling dan Anderson (2014), solekan kesan khas menyerupai keadaan yang sebenar seperti luka dan menyamai warna luka yang sebenar dan seterusnya meniru warna untuk memudahkan solekan kesan khas. Justeru itu melalui filem seram, solekan kesan khas digunakan kepada pelakon untuk mencipta ilusi dan mengubah cara mereka dilihat oleh penonton. Dalam erti kata lain, solekan kesan khas ini lebih dominan dan bertujuan menimbulkan kesan yang lebih dramatik dan lebih dinamik.

Melalui teknik solekan kesan khas (SFX) ini juga karektor yang menakutkan diwujudkan dengan mengikut jalan cerita. Walaupun nampak ringkas dan mudah namun, solekan kesan khas (SFX) memerlukan ketelitian yang begitu tinggi. Kesilapan teknik di dalam solekan kesan khas akan menjadikan solekan tidak natural dan seolah-olah sengaja dilakukan. Ini menyebabkan penciptaan atau gambaran watak dan perwatakan yang cuba ditonjolkan dalam filem menjadi tidak sempurna atau tidak menimbulkan kesan takut atau ngeri kepada penonton. Sebagai contoh dalam filem seram yang menggunakan watak hantu, disebabkan kegagalan kesan khas solekan yang digunakan maka ia tidak menimbulkan perasaan takut kepada penonton. Malah, kegagalan teknik solekan kesan khas boleh membuatkan penonton ketawa dan merasa seperti dimain-mainkan.

Solekan kesan khas adalah bahagian yang paling serius untuk filem seram. Biar ia memakan masa, menelan belanja, asalkan hantunya menjadi hantu dan itu yang penting. Namun jika sebaliknya, solekan kesan khas hanya seperti solekan biasa tanpa sebarang kesan yang menakutkan. Filem seram *Night of the Living Dead* (1968) merupakan sebuah filem Hitam-Putih arahan George A. Romero dan merupakan filem dengan jalan cerita yang biasa sahaja. Tetapi solekan kesan khas pada watak zombie dalam filem ini adalah sangat hebat.

Penggunaan solekan kesan khas di Malaysia dalam filem tempatan terutama dalam filem bergenre seram telah dilakukan sejak zaman studio di Singapura melalui filem-filem seperti *Pontianak* (1957), *Orang Minyak* (1958) dan *Sumpah Orang Minyak* (1958). Penggunaannya terus digunakan sehingga dalam filem mutakhir seperti *Pontianak Harum Sundal Malam* (2004), *Jangan Pandang Belakang* (2007) dan *Khurafat* (2011). Namun begitu teknik penggunaan solekan kesan khas belum begitu meluas dan hanya meliputi teknik-teknik tertentu sahaja. Ini disebabkan bilangan pakar solekan kesan khas di Malaysia terhad sehingga filem-filem seram hanya menggunakan teknik solekan khas yang minimum sahaja. Contohnya seperti penggunaan alat solekan yang terdapat di pasaran atau alat-alat seperti kegunaan harian sahaja seperti sirap, tepung pewarna bagi darah dan kesan luka. Selain itu, penggunaan bahan lain seperti tisu untuk menambah kesan parut. Kekurangan pengetahuan mengenai teknik solekan kesan khas ini juga menyebabkan tidak ramai jurusolek dapat mengaplikasikan teknik solekan kesan khas dalam filem seram tersebut. Sekaligus menyebabkan filem seram gagal menggunakan teknik solekan khas untuk menimbulkan rasa takut dan seram dalam kalangan audiens. Justeru itu, kajian terhadap teknik solekan kesan khas ini penting bagi memastikan kesan solekan khas pada watak-watak dalam filem bergenre seram memberi kesan realistik pada adegan yang dipaparkan dan menimbulkan kesan seram kepada penonton.

1.2 Pernyataan Masalah

Solekan kesan khas (*SFX*) mampu memberikan impak yang besar kepada lakonan dan penyampaian karektor pada watak dengan lebih berkesan. Namun begitu, penggunaan kesan khas dalam filem Malaysia belum begitu meluas dan hanya tertumpu kepada filem-filem bergenre seram sahaja. Malah teknik solekan kesan khas tersebut juga tidak begitu meyakinkan dan terhad kepada teknik solekan asas sahaja. Ini dinyatakan oleh pengarah filem terkenal, Asmat Sulaiman (2013) bahawa filem Malaysia masih kurang mengaplikasikan teknik solekan kesan Khas (*SFX*) dan masih belum wujud manual atau garis panduan yang jelas mengenai prosedur dan teknik yang digunakan. Justeru kajian ini akan menganalisa aplikasi teknik solekan kesan khas (*SFX*) yang digunakan oleh pakar solekan kesan khas di Malaysia iaitu Ella Sandera¹ dalam filem seram *Penanggal* (2013) dan *Jangan Pandang Belakang* (2007). Selain teknik, kajian ini juga akan menganalisis jenis-jenis solekan yang digunakan dan kesannya kepada imej karektor yang ditonjolkan. Diharapkan kajian ini dapat memberi garis panduan asas mengenai aplikasi teknik solekan kesan khas (*SFX*) kepada para pembikin filem terutama jurusolek yang ingin menggunakannya dalam filem-filem bergenre seram. Sekaligus ia akan membantu mereka untuk menghasilkan watak dan perwatakan yang lebih menakutkan dalam filem-filem yang diterbitkan sekaligus menarik minat audien untuk menonton filem tersebut.

¹ Ella Sandera atau nama sebenarnya Norela Ulis merupakan jurusolek kesan khas dan telah terlibat sebanyak 20 buah filem seram di Malaysia. Antara filem seram pertamanya, "*Jangan Pandang Belakang*". (Ella Sandera, 2014)

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, kajian ini menjawab soalan-soalan berikut:

1. Bagaimanakah prosedur dan panduan asas proses solekan kesan khas (SFX) dilakukan dalam filem seram di Malaysia?
2. Apakah jenis-jenis solekan kesan khas (SFX) yang digunakan dalam filem seram terpilih Malaysia?
3. Apakah teknik-teknik solekan kesan khas (SFX) dan kesan teknik terhadap watak-perwatakan dalam filem seram terpilih Malaysia?

1.4 Objektif Kajian

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif yang berikut:

1. Untuk mendokumentasikan prosedur dan proses solekan kesan khas (SFX) dalam filem seram di Malaysia.
2. Mengenalpasti dan mengklasifikasi jenis-jenis solekan kesan khas (SFX) dalam filem seram terpilih Malaysia.
3. Menganalisis teknik-teknik solekan kesan khas (SFX) dan kesan teknik terhadap watak-perwatakan dalam filem seram terpilih Malaysia iaitu *Jangan Pandang Belakang* (2007) dan *Penanggal* (2013).